

2.10.2024
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

KERJA-KERJA AIR DI PERMATANG PAUH: SILA SIMPAN AIR UNTUK DIGUNAKAN SELAMA 24 JAM, BERMULA 10.00 MALAM, JUMAAT (4.10.2024).

- **Gangguan bekalan air berjadual di SPT dan SPS:
10.00 malam, Jumaat, 4.10.2024 – 10.00 malam, Sabtu, 5.10.2024.**
- **Sebab: Penggantian bahagian saluran paip utama di Permatang Pauh yang telah rosak oleh kontraktor syarikat utiliti lain.**
- **PBAPP juga akan menjalankan tambahan tiga (3) kerja penyelenggaraan untuk mengelakkan satu lagi Gangguan Bekalan Air Berjadual:**
 1. **Penggantian injap 1200mm berhampiran Restoran Sri Tambang, Jalan Pengkalan Tambang, SPU**
 2. **Penggantian injap 1200mm di Jalan Kubang Semang, SPT**
 3. **Penggantian Panel Suis 11kV Di Stesen Pam Bukit Minyak**

PULAU PINANG, Rabu, 2.10.2024: PBAPP ingin mengingatkan pengguna air di kawasan berikut untuk menyimpan air untuk kegunaan selama 24 jam, mulai 10.00 malam Jumaat ini, 4.10.2024:

Seberang Perai Tengah (SPT)	Seberang Perai Selatan (SPS)
<ul style="list-style-type: none"> • Taman Arowana • Seberang Jaya (Tuna, Tenggiri, Kelisa Emas, Kikik, Hospital Seberang Jaya, Jln Carrefour, Kg Surau, Todak, Sembilang, Jelawat), • Taman Arowana Emas • Kampung Pertama • Taman Pasir Indah • Pekan Permatang Pauh • Taman Janggus • Taman Hj Md Amin • Politeknik Seberang Perai 	<p>SEMUA KAWASAN di SPS (KECUALI kawasan berikut yang akan mengalami tekanan air rendah): Bukit Panchor, Jalan Permatang Tok Mahat, Jalan Transkrian, Jalan Sungai Acheh, Sungai Bakau, Jalan Sungai Kechil, Jalan Sempadan, Jalan Sungai Udang.)</p>



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



• Sepanjang Jalan Perda Utama 1, Flat Permata, Uptown	
• Kampung Masjid Timah	
• Kampung Besar	
• Bukit Tengah	
• Taman Kerjasama	
• Limau Manis	
• IKS Juru	
• Chip Joo Estate	
• Taman Titi Panjang	
• Seluruh Kawasan Juru, Kuala Juru, Cendana, Juru Height, Perkampungan Juru, Depo Imigresen	
• Pusat Perniagaan Sentral Jaya	
• Nagasari	
• Jalan Baru	
• IKS Tangkas	
• Jalan Permatang Tok Kandu	
• Pangsapuri Prima	
• Taman Naluri	
• UiTM	
• Pauh Indah, Pauh Jaya, Pauh Damai, Taman Pauh, Evoke	
• Kampung Tok Ebot	
• Jalan Permatang Nibong	
• Kampung Belah Dua	
• Taman Tanah Aman	
• Jalan Song Ban Kheng	
• Bayu Mutiara	
• Taman Belimbing	
• Industri Bukit Tengah	
• Kawasan Perindustrian Bukit Minyak (kawasan sekitar JMTI)	
• Kawasan Delima	
• Jalan Pengkalan	
• Perindustrian Saga Jaya	
• Taman Pulasan	

Kira-kira 118,093 pengguna air di kawasan-kawasan ini akan terjejas oleh gangguan bekalan air berjadual (SWSI) dari 10.00 malam, Jumaat, 4.10.2024 – 10.00 malam, Sabtu, 5.10.2024.

Kerja-Kerja Air di Permatang Pauh: Sila Simpan Air Untuk Digunakan Selama 24 Jam, Bermula 10.00 Malam, Jumaat (4.10.2024). / Page 2 of 3



Sila ambil maklum bahawa SWSI ini diperlukan untuk membolehkan PBAPP membaiki isu kebocoran paip yang telah menjejaskan perkhidmatan bekalan air di SPT dan SPS.

Pada 4.10.2024, bahagian saluran paip baharu sepanjang 180m akan disambung dan ditauliahkan berhampiran kampus Politeknik Seberang Perai di Permatang Pauh. Saluran paip baharu ini akan menggantikan bahagian saluran paip yang telah dirosakkan oleh kontraktor syarikat utiliti lain kira-kira 2 minggu lalu. Kerja-kerja pembaikan dianggarkan kira-kira RM2 juta.

PBAPP akan menggerakkan lori tangki air dan tangki air statik di lokasi strategik di SPT dan SPS ketika SWSI ini. Sila rujuk "Notis PBAPP di halaman FB" untuk butiran lanjut.

PBAPP akan berusaha untuk menyelesaikan semua kerja air dan kerja normalisasi bekalan air seperti yang dirancang dan dijadualkan. Kami juga akan menyediakan kemas kini berkala mengenai kemajuan kerja di tapak kerja melalui halaman FB kami.

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang akan berlaku. Kami memohon kefahaman dan kerjasama yang baik daripada pengguna air di SPT dan SPS.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my